# INDUSTRI PERLU RAMAI TENAGA MAHIR, SEPARA MAHIR

**13 November 2015**

**- The Borneo Post Online**

***Pelajar harus sedia melanjutkan pengajian untuk memenuhi keperluan pelaburan asing, kata Wong***

*Oleh Reno Benjamin*




*RASMI: Dr Jerip (dua kiri) yang mewakili Wong ketika merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Murid SMK Batang Igan sambil diperhatikan (dari kiri) Donny Wong, Andrew dan Khasim.*

SIBU: Kemasukan pelaburan asing membuka pelbagai jenis kilang dan industri di negeri ini memerlukan ramai tenaga kerja mahir dan separuh mahir mengisi jawatan dalam pelbagai bidang ditawar.

Menteri Kewangan Kedua, Dato Sri Wong Soon Koh berkata, pelajar perlu melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi bagi mencapai matlamat terbabit.

“Negeri kita menerima pelbagai pelaburan asing termasuk berjenis-jenis kilang dibina terutama di kawasan SCORE dan  Tanjung Manis.

“Semua kilang ini memerlukan ramai pekerja termasuk pekerja separuh mahir dan mahir,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batang Igan, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Muda Kesihatan Awam merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.16 Bengoh, Datuk Dr Jerip Susil.

Hadir sama ialah Setiausaha Politik Ketua Menteri Andrew Shilling Banggit, Pemanca James Semilan, pengetua SMK Batang Igan Khasim Brahim, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Batang Igan Dennis Tiau, wakil Pegawai Pendidikan Daerah Dalat, Donny Wong serta yang lain.

Wong juga ADUN N.47 Bawang Assan berkata, pelajar yang telah menamatkan Tingkatan 5 boleh memilih untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Laila Taib (KLT), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kolej Teknologi Sarawak (UCTS) atau Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

"Di samping itu, diharap ibu bapa memberi segala dorongan dan masa berkualiti kepada anak masing-masing supaya bersifat positif, bermoral tinggi, berpendidikan dan berjaya menceburi bidang pekerjaan selepas tamat pendidikan mereka," katanya.

Presiden Parti Rakyat Bersatu (UPP) itu juga memberitahu, UPP melancar Tabung Biasiswa Pendidikan UPP pada 22 Ogos tahun ini untuk membantu pelajar bijak atau keluarga berpendapatan rendah melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat universiti.

Permohonan bagi biasiswa pendidikan itu katanya, diberikan tanpa mengambil kira bangsa dan agama pelajar atau pemohon yang terbabit.

"Sehubungan itu saya ingin menggalak semua pelajar agar belajar bersungguh-sungguh, bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum dan berketerampilan supaya mendapat peluang pelajaran lebih tinggi lagi," ujar Wong.

Menyentuh mengenai permohonan PIBG sekolah pada bulan Jun lepas bagi menaik taraf jeti, pontun dan pondok menunggu di jeti sekolah, Wong memberitahu kerajaan telah melulus peruntukan sebanyak RM90,000 bagi ketiga-tiga projek tersebut.

Ketiga-tiga projek katanya, akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Matu dalam masa tiga bulan.